

## Suami isteri terkandas di Mekah berterima kasih kepada PM

**SEPANG:** “Terima kasih (Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) kerana bantu uruskan kepulangan kami ke sini (tanah air).”

Pasangan yang hanya mahu dikenali sebagai Mohammad, 60, dan Ju, 58, spontan meluahkan rasa terima kasih kepada Perdana Menteri dan bersyukur ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) 2 pada pukul 7 malam kelmarin.

Sebelum ini, suami isteri yang dilaporkan terkandas di Mekah akibat masalah visa pelancongan untuk mengerjakan haji.

Selepas sebulan terkandas di Tanah Suci, mereka akhirnya dapat pulang ke Malaysia hasil bantuan Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah selain kos di-

tanggung sepenuhnya agensi pelancongan (TA) mereka.

Bagaimanapun, usaha wartawan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai isu dihadapi pasangan itu gagal kerana kedua-duanya keletihan selain mengalami masalah kesihatan.

Anak perempuan pasangan itu, Ena, 33, ketika ditemui berkata, dia sekeluarga sangat lega dan bersyukur kerana ibu bapanya dapat pulang ke tanah air.

“Sebelum ini, saya sekeluarga tidak dapat membayangkan bagaimana kehidupan mereka ketika terkandas hampir sebulan di Tanah Suci.

“Mereka hidup dalam ketakutan dan tidak keluar dari bilik. Mereka hanya makan mi segera

dalam bilik hotel. Malah, orang ketuk pintu pun mereka tak respon sebab mereka tidak ada pasport, tidak ada gelang, tidak ada apa-apa, sampai mereka kata rasa seperti pelarian,” katanya.

Katanya, ibu bapanya adalah antara 250 individu berlepas ke Jeddah pada 2 Mei lalu, selepas mendapat tajaan haji daripada TA tersebut.

Mengulas lanjut, Ena mendakwa ibu bapanya hanya diberi visa pelancong ketika berlepas dengan alasan rombongan itu akan menunaikan umrah terlebih dahulu, sebelum segala proses menunaikan haji diproses kemudian.

“Pihak TA kata kita terbang ke sana untuk umrah dulu,



**PASANGAN** suami isteri hanya ingin dikenali sebagai Mohamad dan Mak Ju yang terkandas di Mekah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2).

bila sampai sana baru kita akan uruskan permit haji ke visa haji. TA itu kata mereka ada rangkai-

an yang kuat dan kuota, sebab itu saya benarkan ibu bapa saya pergi,” katanya.